



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI DALAM
GAGASAN PAN-ISLAMISME PADA ERA
PEMERINTAHAN SULTAN
ABDUL HAMID II**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HANIN NAJIHAH BINTI MOHAYAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI DALAM GAGASAN
PAN-ISLAMISME PADA ERA PEMERINTAHAN
SULTAN ABDUL HAMID II**

HANIN NAJIHAH BINTI MOHAYAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓) |
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

| |
|---|
| |
| ✓ |
| |
| |


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..17....(hari bulan).....JUN..... (bulan) 2025....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Hanin Najihah Binti Mohayan, M20181001450, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Peranan Syaikh Ahmad Al-Fatani Dalam Gagasan Pan-Islamisme Pada Era Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NUR ANUL BASVIRAH ALIAS (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Peranan Syaikh Ahmad Al-Fatani Dalam Gagasan Pan-Islamisme Pada Era Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

4/11/2025
Tarikh


Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani Dalam Gagasan
Pan-Islamisme Pada Era Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II

No. Matrik / Matric's No.: M20181001450

Saya / I: HANIN NAJIHAH BINTI MOHAYAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

[Signature]
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 4/11/2025

[Signature]
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr. Nur Anis Basyirah binti Alias
Penyarah
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihani. Segala pujian ditujukan kepada Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, juga ke atas keluarga Baginda dan para sahabat r.a. Syukur ke hadrat Ilahi atas hidayah dan tawfik-Nya saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini. Pertama sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih terhadap kedua-dua penyelia saya yang dihormati Dr. Nur Ainul Basyirah basyirah Binti Alias dan Dr. Wahibah Binti Tahir serta penyelia kedua Prof. Madya Dr. Husna Binti Husain yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat, teguran dan dorongan dalam permulaan penulisan tesis ini sehingga tamat penulisan. Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbiran Universiti Pendidikan Sultan Idris, Institut Pengajian Siswazah (IPS) UPSI dan pentadbiran Fakulti Sains Kemanusiaan Jabatan Pengajian Islam UPSI dalam menguruskan dalam penulisan tesis ini. Saya juga ingin memberi setinggi penghargaan kepada pihak yang membantu dalam mencari bahan-bahan kajian iaitu kepada pegawai-pegawai di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Perpustakaan Negara, dan Arkib Negara. Setinggi penghargaan juga saya berikan kepada Prof. Madya Dr Ermy Azziaty Rozali pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia atas bantuan dalam mencari bahan-bahan kajian. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga kepada ayahanda Hj. Mohayan bin Samadi, ibunda Hj. Nurihan Binti Anuar dan ahli keluarga yang dikasihi kerana berkat, doa dan restu mereka saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucap terima kasih kepada semua rakan-rakan yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam mencari bahan-bahan kajian ini. Dan akhir sekali, saya mendoakan segala jasa-jasa dan sumbangan yang diberikan oleh mereka diberkati dan dirahmati oleh Allah s.w.t, Amīn.





ABSTRAK

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II, *Dawlah 'Uthmāniyyah* menghadapi cabaran gerakan nasionalisme yang disokong penjajah dan Yahudi, menyebabkan tanah umat Islam dikuasai Barat dan Eropah. Bagi mengatasi ancaman ini, baginda mempelopori gagasan Pan-Islamisme untuk menyatukan umat Islam secara pemikiran dan kerohanian serta menghalang serangan musuh. Dalam merealisasikan gagasan ini, baginda mendapatkan sokongan tokoh dan ulama seluruh dunia, termasuk Syeikh Ahmad Al-Fatani dari Alam Melayu. Syeikh Ahmad Al-Fatani memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea Pan-Islamisme dalam kalangan bangsa Melayu. Oleh itu, objektif Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang perkembangan Pan-Islamisme serta menganalisis latar belakang dan pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani dan peranannya dalam gagasan Pan-Islamisme. Metode yang akan digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan melakukan pengumpulan data terhadap bahan sejarah dari sumber primer dan sekunder yang memfokuskan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam menyebarkan pemikiran Pan-Islamisme. Seterusnya, penganalisaan data dilakukan mengikut metode tematik dan metode deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani berperanan penting dalam perkembangan Pan-Islamisme melalui pelbagai usaha, termasuk sebagai penyelia percetakan *'Uthmāniyyah*, ahli rasmi *Dawlah 'Uthmāniyyah*, dan membina hubungan diplomatik dengan pemimpin Melayu. Pemikirannya tersebar melalui karya seperti *Ḥadīqah al-Azhār wa al-Rayāhīn*, memberi kesan mendalam kepada pelajar Melayu serta mencetuskan impak besar dalam menghadapi penjajahan Barat. Dapatan ini membuktikan bahawa beliau bukan sahaja menyebarkan idea Pan-Islamisme, tetapi turut berperanan dalam membangkitkan kesedaran politik dan sosial masyarakat Melayu, sejajar dengan matlamat kajian. Kesimpulannya, Pan-Islamisme memberikan pengaruh yang signifikan dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Syeikh Ahmad Al-Fatani memainkan peranan penting dalam menanamkan pemikiran ini dalam kalangan masyarakat Melayu, sekali gus mempengaruhi gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu. Implikasi kajian menegaskan bahawa golongan ulama berperanan penting dalam sejarah negara, bukan sekadar tokoh agama, tetapi juga sebagai pemikir dan penggerak nasionalisme. Mereka telah membangkitkan kesedaran perjuangan dan menyemarakkan semangat menentang penjajahan, sekali gus menyumbang kepada gerakan kemerdekaan Tanah Melayu.





THE ROLE OF SYEIKH AHMAD AL-FATANI IN THE MOVEMENT OF PAN-ISLAMISM IN THE REIGN OF SULTAN ABDUL HAMID II

ABSTRACT

During the reign of Sultan Abdul Hamid II, the Ottoman Empire faced the challenge of nationalist movements supported by colonialists and Jews, causing Muslim lands to be dominated by the West and Europe. To overcome this threat, he pioneered the idea of Pan-Islamism to unite Muslims intellectually and spiritually and prevent enemy attacks. In realizing this idea, he obtained the support of figures and scholars from all over the world, including Sheikh Ahmad Al-Fatani from the Malay world. Sheikh Ahmad Al-Fatani played an important role in spreading the idea of Pan-Islamism among the Malays. Therefore, the objective of this study is to identify the background of the development of Pan-Islamism and analyze the background and thoughts of Sheikh Ahmad Al-Fatani and his role in the idea of Pan-Islamism. The method that will be used is qualitative by collecting data on historical materials from primary and secondary sources that focus on the role of Sheikh Ahmad Al-Fatani in spreading the thought of Pan-Islamism. Next, data analysis is carried out according to thematic methods and deductive methods. The findings of the study show that Syeikh Ahmad Al-Fatani played an important role in the development of Pan-Islamism through various efforts, including as the supervisor of the Ottoman printing press, an official member of the Ottoman State, and a diplomatic liaison with the Malay government. His thoughts were spread through works such as *Hadīqah al-Azhār wa al-Rayāhīn*, which had a profound impact on Malay students and had a major impact in confronting Western colonialism. This finding proves that he not only spread the idea of Pan-Islamism, but also played a role in raising the political and social awareness of the Malay community, in line with the objectives of the study. In conclusion, Pan-Islamism has had a significant influence on the history of the Malayan independence struggle. Syeikh Ahmad Al-Fatani played an important role in instilling this thought among the Malay community, thus influencing the independence movement in Malaya. The implications of the study emphasize that the ulama group plays an important role in the history of the country, not just as religious figures, but also as thinkers and mobilisers of nationalism. They have raised awareness of the struggle and fueled the spirit of opposing colonialism, thus contributing to the Malayan independence movement.



KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--|------|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| PANDUAN TRANSLITERASI | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian | 15 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 15 |
| 1.6 Definisi Operasi kajian | 16 |
| 1.6.1 Ulama | 16 |
| 1.6.2 Pan-Islamisme | 17 |
| 1.6.3 <i>Dawlah</i> Islam | 18 |
| 1.6.4 Gerakan Islam | 18 |

| | |
|--|----|
| 1.7 Batasan/ limitasi kajian | 19 |
| 1.8 Metodologi Kajian | 20 |
| 1.8.1 Reka Bentuk Kajian | 20 |
| 1.8.2 Kaedah Pengumpulan Data | 21 |
| 1.8.2.1 Pemilihan Sumber | 21 |
| 1.8.3 Kaedah Penganalisan Data | 22 |
| 1.8.3.1 Metode Tematik | 23 |
| 1.8.3.2 Metode Deduktif | 23 |
| 1.9 Tinjauan literatur | 23 |
| 1.9.1 Pan-Islamisme | 24 |
| 1.9.2 <i>Dawlah 'Uthmāniyyah</i> dan Alam Melayu | 27 |
| 1.9.3 Syeikh Ahmad Al-Fatani | 29 |
| 1.10 Kesimpulan | 34 |

BAB 2 GAGASAN PAN-ISLAMISME DI ERA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL HAMID II

| | |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan | 35 |
| 2.2 Biografi Sultan Abdul Hamid II | 37 |
| 2.3 Gagasan Pan-Islamisme | 41 |
| 2.3.1 Faktor Kemunculan Pan-Islamisme | 42 |
| 2.3.2 Polisi Pan-Islamisme | 44 |
| 2.4 Pelaksanaan Polisi Pan-Islamisme | 45 |
| 2.4.1 Pembangunan Masjid | 47 |
| 2.4.2 Pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz | 48 |
| 2.4.3 Pembinaan Sekolah | 52 |
| 2.4.4 Sebaran Melalui Akhbar | 55 |

| | |
|---|----|
| 2.4.5 Sebaran Melalui Tarekat Tasawwuf | 56 |
| 2.5 Tokoh Penggerak Pan-Islamisme | 58 |
| 2.5.1 Jamaluddin Al-Afghani (1838-1879M) | 59 |
| 2.5.2 Mustafa kamil (1874-1908M) | 62 |
| 2.5.3 Syeikh Ahmad Al-Fatani (1857-1908M) | 64 |
| 2.6 Kesimpulan | 68 |

BAB 3 LATAR BELAKANG DAN PEMIKIRAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI (1856M – 1908M)

| | |
|---|----|
| 3.1 Pengenalan | 69 |
| 3.2 Biografi Syeikh Ahmad Al-Fatani | 71 |
| 3.2.1 Kelahiran | 71 |
| 3.2.2 Ahli Keluarga | 72 |
| 3.2.3 Pendidikan Awal | 74 |
| 3.2.3.1 Baitul Maqdis | 75 |
| 3.2.3.2 Mesir | 76 |
| 3.2.3.3 Mekah | 78 |
| 3.2.4 Kewafatan | 79 |
| 3.3 Guru-guru Syeikh Ahmad Al-Fatani | 80 |
| 3.3.1 Syeikh Umar Al-Shami Al-Baqi (1245H/ 1829M – 1313H/ 1896M) | 80 |
| 3.3.2 Sayyid Hussayn Al-Habshi (1258H/ 1838M - 1330H/ 1912M) | 81 |
| 3.3.3 Sayyid Abu Bakri Shaṭa (1272H/ 1856M – 1310H/ 1893M) | 82 |
| 3.3.4 Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan (1232H/ 1816M – 1304H/ 1886M) | 83 |
| 3.3.5 Syeikh Muhammad Bin Sulaiman Hasbullah (1233H/ 1817M – 1335H/ 1917M) | 83 |

| | |
|--|-----|
| 3.3.6 Syeikh Muhammad Haqqi An-Nazli (w. 1884M) | 84 |
| 3.3.7 Sayyid Muhammad Amin Al-Ridhwan | 84 |
| 3.3.8 Sayyid Muhammad Ali Bin Sayyid Zahir Al-Watri | 84 |
| 3.3.9 Syeikh Abdul Qadir Al-Shibli Al-Tarablusi | 85 |
| 3.3.10 Syeikh Ibrahim Al-Rasyidi (1228H/ 1837M – 1291H/ 1874M) | 85 |
| 3.3.11 Syeikh Ahmad Al-Dandarawi | 85 |
| 3.3.12 Syeikh Muhammad Bin Ismail Daudi Al-Fatani (w. 1333H/ 1914M) | 86 |
| 3.3.13 Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman Al-Fatani | 86 |
| 3.3.14 Syeikh Wan Ali Kutan Al-Kalantani | 87 |
| 3.3.15 Syeikh Abdur Rahim Kabuli (Ulama Kabul Afghanistan) | 88 |
| 3.4 Keilmuwan | 88 |
| 3.5 Karya-Karya | 91 |
| 3.6 Anak-Anak Murid | 92 |
| 3.7 Pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani | 94 |
| 3.7.1 Pemikiran Tentang Melayu | 94 |
| 3.7.2 Pemikiran Tentang Patani Darussalam | 97 |
| 3.7.3 Pemikiran Tentang Percetakan Buku | 98 |
| 3.7.4 Pemikiran Berkaitan Politik | 100 |
| 3.7.5 Pemikiran Terhadap Pan-Islamisme | 103 |
| 3.8 Sumbangan Syeikh Ahmad Al-Fatani | 111 |
| 3.9 Kesimpulan | 112 |

BAB 4 PERANAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI DALAM PAN-ISLAMISME

| | |
|--|-----|
| 4.1 Pengenalan | 114 |
| 4.2 Syeikh Ahmad Al-Fatani dan Sultan Abdul Hamid II | 116 |

| | |
|--|-----|
| 4.3 Peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani Dalam Pan-Islamisme | 121 |
| 4.3.1 Penyelia Mesin Percetakan dan Pentashih | 122 |
| 4.3.1.1 <i>Maṭba‘ah al-Miriyyah al-kāinah</i> | 123 |
| 4.3.1.2 <i>Maktabah al-Faṭaniyyah</i> | 127 |
| 4.3.2 Ahli Lantikan Kerajaan | 128 |
| 4.3.3 Membantu Dalam Hubungan Diplomatik di Tanah Melayu | 130 |
| 4.3.3.1 Sultan Zainal Abidin Shah III (1881-1918M) (Terengganu) | 132 |
| 4.3.3.2 Raja Muda Jambu | 133 |
| 4.3.3.3 Sultan Mansur (1890M-1899M) (Kelantan) | 134 |
| 4.3.3.4 Sultan Muhammad IV (1899-1920M) (Kelantan) | 135 |
| 4.3.4 Penulisan Berkaitan Pan-Islamisme | 136 |
| 4.3.4.1 <i>Ḥadīqah al-Azhār wa Al-Rayāhīn</i> | 137 |
| 4.3.4.2 <i>Farīdah al-Farā'id</i> | 141 |
| 4.3.4.3 <i>Al-Faṭawa al-Faṭaniyyah</i> | 145 |
| 4.3.4.4 <i>Al- Siyāsah Wa Al-Tadbīr</i> | 146 |
| 4.4 Kesan penyebaran Pan-Islamisme Syeikh Ahmad Al-Fatani | 148 |
| 4.4.1 Kader | 149 |
| 4.4.1.1 Haji Nik Mahmud Nik Ismail (1880 – 1964M) | 149 |
| 4.4.1.2 Tok Kenali (1868 – 1933M) | 151 |
| 4.4.1.3 Raja Haji Ali Kelana (w. 1346H/ 1927M) | 154 |
| 4.4.1.4 Haji Sulong (1895 – 1954M) | 156 |
| 4.4.2 Persatuan dan Organisasi | 159 |
| 4.4.2.1 <i>Jam‘iyyah al-Faṭaniyyah</i> | 160 |
| a. <i>Jam‘iyah al-Rushdiyyah/</i> kelab rushdi (1880M) | 161 |
| b. Nahdatul ‘Ulama’ | 162 |

| | |
|---|-----|
| c. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) | 162 |
| 4.4.3 Majalah | 164 |
| 4.4 Kesimpulan | 171 |
| BAB 5 PENUTUP | |
| 5.1 Pendahuluan | 174 |
| 5.2 Rumusan Keseluruhan Kajian | 175 |
| 5.3 Implikasi Kajian | 182 |
| 5.4 Kesimpulan | 182 |
| RUJUKAN | 184 |
| LAMPIRAN | 193 |

PANDUAN TRANSLITERASI

| Huruf Arab | = | Huruf Latin | Huruf Arab | = | Huruf Latin |
|------------|---|-------------|------------|---|-------------|
| ا | = | a | ط | = | ṭ |
| ب | = | b | ظ | = | ẓ |
| ت | = | t | ع | = | ‘ |
| ث | = | th | غ | = | gh |
| ج | = | j | ف | = | f |
| ح | = | ḥ | ق | = | q |
| خ | = | kh | ك | = | k |
| د | = | d | ل | = | l |
| ذ | = | dh | م | = | m |
| ر | = | r | ن | = | n |
| ز | = | z | و | = | w |
| س | = | s | ه | = | h |
| ش | = | sy | ء | = | ’ |
| ص | = | ṣ | ي | = | y |
| ض | = | ḍ | ة | = | t |



Vokal

Pendek

اَ _____ a

اِ _____ i

اُ _____ u

Panjang

اَ _____ ā

اِ _____ ī

اُ _____ ū

Diftong

أَيَّ _____ ay

أَوَّ _____ aw

Rujukan: Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi Dewan Bahasa dan Pustaka 1992.





SENARAI SINGKAT

| | |
|-------|--------------------------------------|
| H | Hijriah |
| Hj | Haji |
| Hjh | Hajah |
| Jil | Jilid |
| M | Masihi |
| ms. | Muka surat |
| s.a.w | <i>ṣallā Allah ‘alaihi wa sallam</i> |
| s.w.t | <i>subḥānahu wa ta‘ālā</i> |
| w. | Wafat |





SENARAI LAMPIRAN

- A Muka depan Manuskrip *Ḥadīqah al-Azhār Wa al-Rayyāhīn*
- B Kedai percetakan buku Mustafa Al-Babi Al-Halabi di Kaherah, Mesir
- C Muka depan kitab *Hidāyah al-Sālikīn*
- D Catatan muka surat terakhir Syeikh Ahmad Al-Fatani pada kitab *Hidāyah al-Sālikīn*
- E Surat Syeikh Ahmad Al-Fatani kepada Sultan Zainal Abidin III
- F Surat Raja Muda Jambu kepada Syeikh Ahmad Al-Fatani





BAB 1

PENDAHULUAN



Dawlah 'Uthmāniyyah merupakan kerajaan Islam yang memerintah paling lama dalam sejarah serta memiliki wilayah penaklukan yang paling luas, mencakupi tiga benua utama: Asia, Eropah, dan Afrika. Kerajaan ini juga mempunyai kepelbagaian kaum dan agama jika dibandingkan dengan kerajaan-kerajaan lain (Gabor Agoston & Bruce Masters, 2009). Kerajaan yang telah berdiri lebih 600 tahun ini telah bermula sekitar abad ke-14M hingga kejatuhannya pada abad awal ke-20M iaitu pada tahun 1924M. *Dawlah 'Uthmāniyyah* ini telah dipimpin bermula dengan Osman Ghazi dan diteruskan oleh kepimpinan seterusnya sehingga kejatuhan *Dawlah 'Uthmaniyyah* secara rasmi pada abad ke-20M semasa Sultan Abdul Majid II menjadi khalifah.





Dawlah 'Uthmāniyyah telah mencapai pelbagai kejayaan dengan kemenangan dan pembukaan wilayah-wilayah penaklukan seperti pada zaman Sultan Mehmed II yang digelar al-Fātih dan Sultan Sulaiman al-Qanuni. Namun, menurut al-Sollabi (2015), tanda-tanda kelemahan *Dawlah 'Uthmāniyyah* juga bermula pada Sultan Sulaiman al-Qanuni apabila isteri baginda Roxelana campur tangan dalam urusan negara. *Dawlah 'Uthmāniyyah* menjadi semakin lemah apabila kepemimpinan diganti oleh anak baginda Sultan Selim II dan kepemimpinan seterusnya.

Pada era Sultan Abdul Hamid II iaitu Sultan *'Uthmāniyyah* yang ke-34 telah menggunakan ideologi Pan-Islamisme yang berdasarkan baginda sebagai ketua umat Islam bagi menghadapi kuasa besar Eropah dan Barat seperti England, Perancis dan Rusia (Selcuk Akşin Somel, 2018). Salah satu metode pelaksanaan Pan-Islamisme adalah melalui beberapa tokoh pendakwah dan intelektual dari seluruh dunia Islam termasuklah para sarjana dari Tanah Melayu. Antara figura yang terlibat adalah Syeikh Ahmad Al-Fatani yang merupakan salah satu tokoh pelaksanaan Pan-Islamisme dan merupakan satu-satu tokoh yang berasal dari ulama Nusantara (Zulhelman & Ermy Azziaty, 2018).

Beliau telah menzahirkan kehormatan dan kecintaannya kepada khalifah *'Uthmāniyyah* dengan mencurahkan segala kepakaran dalam membantu khalifah *'Uthmāniyyah*. Salah satu peranan beliau ialah menjadi penyelia mesin percetakan *Maṭba'ah al-Miriyyah al-kāinah* yang dibiayai oleh *Dawlah 'Uthmāniyyah* di Mekah untuk menerbitkan buku-buku Islam dalam pelbagai bahasa ke seluruh dunia Islam. Terdapat juga peranan lain yang telah dimainkan oleh Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam membantu *Dawlah 'Uthmāniyyah* (Ermy Azziaty, 2014). Usaha ini tidak sia-sia kerana





kerana seruan Pan-Islamisme telah mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan bangsa Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, umat Islam telah mencapai pelbagai kemenangan dan pembukaan pelbagai wilayah serta daerah dengan bermula kekhalifahan empat sahabat utama yang dikenali sebagai *Khulafā' ar-Rāshidīn* yang meliputi wilayah Rom dan Parsi. Kemudian, pemerintahan dan pembukaan wilayah-wilayah Islam diteruskan oleh *Dawlah* Umayyah, *Dawlah* Abbasiyyah, Turki Saljuk dan diakhiri dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* (Deden A. Herdiansyah, 2018).



Dawlah 'Uthmāniyyah merupakan kerajaan Islam yang memiliki wilayah takluk yang paling luas dan merupakan antara kerajaan paling lama selepas Empayar Rom berkuasa di Eropah. Keluasan wilayah *'Uthmāniyyah* adalah meliputi tiga benua iaitu Eropah, Asia dan Afrika (Mutawalli, Ahmad Fu'ad & Huwaida Muhammad Fahmi, 2005). Ini termasuklah di Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan sekitarnya yang telah menjalin hubungan dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sejak abad ke-16M (Ermy Azziaty 2016; Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Mohd Sohaimi Esa & Zaini Othman, 2020; Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin & Norsaleha Mohd Salleh, 2020).

Tarikh penubuhan pemerintahan *'Uthmāniyyah* telah menjadi perbincangan antara para sejarawan. Menurut Inalcik (1973), penubuhan pemerintahan *'Uthmāniyyah* adalah sekitar awal abad ke-14M di wilayah Anatolia. Selepas Sultan Saljuq iaitu Sultan





Alauddin Kaikubat III turun dari takhta, daerah Saljuq telah runtuh dan pemerintahan baru telah diketuai oleh Osman Ghazi yang pada ketika itu menyerlah dari sudut kehebatan beliau dalam memimpin pasukannya (Inalcik, 1973). Eugenia Kermeli (2009) menyatakan bahawa Osman Gazi mempunyai taktik ketenteraan yang baik dan licik menyebabkan beliau dapat menakluki wilayah penting Byzantine (Eugenia Kermeli, 2009). Menurut Lufti Pasha, Osman Ghazi merupakan *mujaddid* pada abad ke-8 Hijrah (Ahmed Akgunduz & Said Ozturk, 2011). Ini dilihat daripada hadith Nabi Muhammad SAW mengenai para *mujaddid* yang akan muncul setiap 100 tahun. Diriwayat oleh Abu Hurairah Radiyallahu ‘anhu, Hadith Sahih Abi Daud, hadis no. 4291:

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT mengutuskan untuk umat ini setiap seratus tahun orang-orang yang akan memperbaharui agama ini (daripada segala penyimpangan).”

(Riwayat Abu Daud)

Selepas kejatuhan Turki Saljuq, Osman Ghazi terus memperluaskan wilayah penguasaannya sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1324M. Osman Ghazi merupakan waris daripada pemerintahan Turki Saljuq dan beliau dianggap sebagai pengasas kepada pemerintahan ‘*Uthmāniyyah*. Setelah kematian beliau, kepimpinan ditukar kepada anaknya Urkhan pada tahun 1326M. Oleh yang demikian, kepimpinan diteruskan kepada generasi seterusnya (Eeman Abbas, 2019)

Menurut Al-Sollabi (2015), gelaran *Dawlah ‘Uthmāniyyah* tidak digunakan lagi semasa pemerintahan Osman Ghazi dan Urkhan. Setelah ‘*Uthmāniyyah* telah memperluaskan kuasanya ke empayar Asia Minor dan Balkan, gelaran Imarah





'*Uthmāniyyah* ditukar kepada *Dawlah 'Uthmāniyyah* bermula pada kepimpinan Bayezid I. Beliau juga merupakan pemimpin '*Uthmāniyyah* yang pertama menggunakan gelaran sultan daripada golongan '*Uthmāniyyah*. Sultan Bayezid I telah menguasai wilayah-wilayah dengan penaklukan yang sangat pantas (Al-Sollabi, 2015)

Pada pemerintahan Sultan Bayezid I juga berlakunya kejatuhan *Dawlah 'Uthmaniyyah* kerana kekalahan '*Uthmāniyyah* dalam perang menentang Timurlank. Ahli sejarah berpendapat bahawa *Dawlah 'Uthmāniyyah* telah runtuh pada ketika itu dan telah dibangunkan semula oleh anak Sultan Bayezid iaitu Sultan Mehmed I. Sultan Mehmed I telah mengambil masa selama 8 tahun untuk mendirikan semula *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Terdapat ahli sejarah telah berpendapat bahawa Sultan Mehmed I merupakan pemerintahan baru *Dawlah 'Uthmāniyyah* ke-2 (Al-Sollabi, 2015).

Kemudian, pemerintahan *Dawlah 'Uthmāniyyah* diteruskan dengan kekuatan pemerintahan Sultan Murad II sehinggalah kepimpinan tersebut beralih kepada Sultan Mehmed II.

Kepimpinan Sultan Mehmed II merupakan titik kejayaan tertinggi dalam *Dawlah 'Uthmāniyyah* setelah baginda berjaya menakluki Kota Konstantinople (kini dikenali sebagai Istanbul). Penaklukan Kota Konstantinople merupakan kejayaan yang terbesar sepanjang pemerintahan *Dawlah 'Uthmaniyyah* kerana Rasulullah SAW telah mengkhabarkan tentang penaklukan kota ini dalam hadith *Musnad Ahmad*, bāb *al-Jihād*, hadis no. 18859:

لَتُقْتَلَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةَ، وَلِنَعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا، وَلِنَعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksudnya: “Sungguh, Konstantinopel akan ditaklukkan di bawah kepemimpinan laki-laki, maka sebaik-baiknya pemimpin adalah pemimpin





(yang menaklukkan)nya, dan sebaik-baiknya pasukan adalah pasukan (yang menaklukkannya) itu”.

(Riwayat Ahmad)

Sejak kecil lagi Sultan Mehmed II dilihat sebagai seorang cergas dan sentiasa mengikuti penaklukan yang dilakukan oleh bapanya dan datuk beliau. Beliau juga seorang sultan yang berpegang kepada perintah dan larangan syarak. Para ahli sejarah berpendapat bahawa titik permulaan kejatuhan *Dawlah 'Uthmāniyyah* bermula setelah kematian Sultan Sulaiman al-Qanuni pada tahun 1566M. Faktor kejatuhan *Dawlah 'Uthmāniyyah* adalah disebabkan sultan-sultan akhir *Dawlah 'Uthmāniyyah* mengeneipkan syariat Allah dan menyebabkan masyarakat jauh daripada pengamalan Islam yang benar. Sikap tersebut memberi kesan yang mendalam kepada aspek kehidupan, agama, sosial dan politik. Pemerintahan *Dawlah 'Uthmāniyyah* berakhir pada pemerintahan Sultan Abdul Hamid II kerana digulingkan oleh golongan revolusi yang ingin menjatuhkan Islam (Al-Sollabi, 2015).

Sultan Abdul Hamid II merupakan pemerintah *Dawlah 'Uthmāniyyah* yang ke-34. Pemerintahan baginda bermula pada tahun 1293H/ 1876M dan berakhir pada 1328H/ 1909M. Baginda telah menggantikan abangnya, Sultan Abdul Murad V yang jatuh sakit akibat tekanan yang dihadapi ketika dalam pemerintahannya (Eeman Abbas, 2019). Pada hujung pemerintahan Sultan Abdul Hamid II, *Dawlah 'Uthmāniyyah* berhadapan dengan pelbagai cabaran, seperti kelahiran semangat nasionalisme dan gerakan minoriti dengan bantuan, sokongan dan galakan negara-negara kuasa penjajah dan bangsa Yahudi. Selain musuh dalam negara, baginda menghadapi musuh luar yang berhasrat untuk menjatuhkan *Dawlah 'Uthmāniyyah* seperti negara-negara penjajah Eropah iaitu Britain, Perancis dan Rusia yang ketika itu bersaing sengit antara satu sama





lain untuk merebut bahagian dan keuntungan daripada *Dawlah 'Uthmāniyyah* (Farid Mat Zain, 2009).

Umat Islam pada ketika itu yang kebanyakan wilayah mereka sudah mula dijajah oleh kuasa-kuasa Eropah seperti di India, Asia Tengah, Kepulauan Nusantara, Balkan, Barat Afrika dan Mesir sedang bergolak menentang penjajahan yang dilakukan. Dalam situasi yang menekan itu, Sultan Abdul Hamid II telah mengambil inisiatif untuk mempertahankan *Dawlah 'Uthmāniyyah* dengan mewujudkan gagasan Pan-Islamisme atau gerakan kesatuan Islam, dengan harapan dapat menyatukan kekuatan umat Islam di serata dunia.

Gagasan Pan-Islamisme atau nama lainnya *ḥarakah al-jāmi'ah* atau *pan movement* merupakan sebuah gerakan yang memfokuskan dalam menyatukan kaum muslimin dari sudut pemikiran dan kerohanian bagi menghalang serangan pihak musuh terhadap negara-negara Islam. Ia juga merupakan kelangsungan pengaruh dan sistem *Dawlah 'Uthmāniyyah* sebagai ketua kepada seluruh umat Islam di dunia (Eeman Abbas, 2019). Menurut Deden A. Herdiansyah (2018), gerakan ini membuktikan kebijaksanaan politik Sultan Abdul Hamid II dalam menghadapi kelompok-kelompok yang ingin menghapuskan sistem khalifah dan menggantikannya dengan sistem kolonialisme yang mencengkam wilayah-wilayah Islam. Oleh yang demikian, Sultan Abdul Hamid II telah merencana beberapa polisi dalam gagasan Pan-Islamisme yang ingin dibawanya. Teras utama dalam gagasan ini menegaskan bahawa Sultan Abdul Hamid II adalah ketua kepada seluruh umat Islam dan ia menuju ke arah penyatuan umat Islam. Beberapa polisi ini dilaksanakan untuk memastikan ia dapat memberi manfaat kepada seluruh umat Islam (Deden A. Herdiansyah, 2018).





Dalam kajian Zulhelman Roslan dan Ermy Azziaty Rozali (2017), antara salah satu polisi Pan-Islamisme yang dianggap kejayaan yang terbesar adalah rancangan projek pembinaan keretapi Hijaz. Projek yang dilancarkan pada awal bulan Mei 1900M menerusi titah Sultan Abdul Hamid II ini telah menghubungkan kota Damsyik, Madinah dan Mekah. Projek ini pada dasarnya bertujuan untuk memudahkan perjalanan jemaah haji dalam menunaikan rukun Islam tersebut (Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali, 2017)

Kesan daripada kekuatan roh Islam yang kuat serta seruan Pan-Islamisme yang sering dilaungkan, ia menyebabkan ramai ulama dan fuqaha telah berijtihad bahawa menderma bagi projek ini merupakan kewajipan syarak. Terdapat banyak negara-negara Islam telah menginfakkan wang dalam jumlah yang sangat besar. Manakala, sebahagian negara seperti Mesir dan Bosnia telah berkempen secara besar-besaran untuk mengumpul sumbangan malah akhar-akhbar di sana turut mempromosi projek ini. Seterusnya di India, telah diwujudkan satu jawatankuasa di Bombay dan terdapat 150 jawatankuasa kecil di seluruh negara untuk mengumpulkan dana bagi pembangunan projek ini. Sumbangan yang besar juga telah disalurkan dari Mekah, yang menyumbang sebanyak 100 lira setiap tahun kepada *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Selain itu, terdapat sumbangan dari Sri Lanka, Burma, Singapura, China dan begitu juga umat Islam yang menetap di Perancis, Amerika dan di lain-lain tempat (Zulhelman Roslan, 2018).

Menurut Eeman Abbas (2019) seruan Sultan Abdul Hamid II kepada polisi Pan-Islamisme telah mendapat sambutan dalam kalangan tokoh pendakwah dan intelektual bagi menjayakan gagasan Pan-Islamisme ini. Kebanyakan mereka adalah daripada





kalangan ulama, pemikir, sasterawan dan wartawan dari serata dunia. Oleh kerana kecintaan kepada agama dan tanah air, mereka telah bangkit memberikan bantuan secara sukarela mengikut pengkhususan dan kemampuan yang ada pada diri mereka. Eeman Abbas juga turut menyenaraikan tokoh-tokoh penting dalam gagasan Pan-Islamisme antaranya ialah Khayr al-Dīn Bāshā al-Tūnisiyy daripada Tunisia, al-Shaykh Raḥmat Allah al-Kīrāniyy al-Hindiyy daripada India, Jamāl al-Dīn al-Afghānī yang berasal dari Afganistan, Muḥammad Rashīd Riḍā, Muṣṭafā Kāmil berasal dari Mesir, Muḥammad al-Mahdiyy al-Sanūsiyy, Shaykh Muḥammad ‘Abduh, Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani (Syeikh Ahmad Al-Fatani) dari Patani dan lain-lain. Mereka adalah tokoh-tokoh yang menyebarkan gagasan Pan-Islamisme dan menyeru umat Islam untuk mengembalikan ketaatan mereka kepada Sultan Abdul Hamid II sebagai penaung umat Islam. Hal ini bagi memastikan umat Islam bangkit daripada kemunduran dan berjuang melawan penjajah (Eeman Abbas, 2019).



Gagasan Pan-Islamisme bahkan telah mewujudkan gema dan tindakbalas yang sangat hebat serta memperolehi sambutan yang besar di seluruh dunia. Gelombang penyebaran gagasan ini telah berkembang pesat di Mesir, India, China, Afrika dan tempiasnya turut dirasai di Tanah Melayu. Orang Melayu memandang tinggi dan menghormati *Dawlah ‘Uthmāniyyah* sehingga menyebabkan Pan-Islamisme telah diterima baik oleh orang Melayu kerana mereka menganggap *Dawlah* tersebut merupakan sebuah kuasa yang mempunyai kekuatan dalam melindungi wilayah Islam daripada cengkaman oleh Barat.

Penerimaan orang Melayu terhadap *Dawlah ‘Uthmāniyyah* pada ketika itu dimainkan oleh beberapa individu seperti Sayyid Mohamad al-Sagoff. Beliau





merupakan pemimpin masyarakat Islam di Singapura yang berketurunan Arab di samping turut mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Turki. Antara usaha beliau adalah menjalinkan hubungan persahabatan di antara Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar dengan Sultan Abdul Hamid II (Redzuan Othman, 2005).

Selain itu, menurut Redzuan Othman (2005), antara usaha awal yang memberi kesan kepada orang Melayu dalam menampilkan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sebagai pelindung kepada umat Islam dan menjadikan Sultan Abdul Hamid II sebagai pemimpin yang berwibawa adalah Syeikh Ahmad Al-Fatani (1856M-1908M). Beliau turut tersenarai di antara ulama yang sangat berpengaruh dalam kalangan pelajar Melayu di Mekah disebabkan ilmu dan pengaruhnya. Beliau merupakan seorang yang amat anti penjajah dan sangat menyanjungi *Dawlah 'Uthmāniyyah* serta menganggap Sultan Abdul Hamid II sebagai ketua umat Islam. Bahkan, Syeikh Ahmad Al-Fatani juga merupakan antara ulama dan tokoh yang terpenting dalam gagasan Pan-Islamisme yang berasal dari Tanah Melayu (Redzuan Othman, 2005).

Buktinya, Syeikh Ahmad Al-Fatani telah dilantik oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai penyelia percetakan Melayu di Mekah iaitu *Maṭba'ah al-Mīriyyah al-Kā'inah* yang diwujudkan pada tahun 1884M. Tujuan diwujudkan percetakan ini adalah untuk menyebarkan ilmu dalam kalangan orang Melayu dan juga untuk meluaskan pengaruh Sultan Abdul Hamid II. Hubungan Syeikh Ahmad Al-Fatani dilihat sangat rapat dengan baginda apabila beliau dijemput oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menghadiri Persidangan Ulama pada tahun 1885M di Istanbul. Syeikh Ahmad Al-Fatani disifatkan sebagai seorang yang sangat cintakan *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Beliau menganggap Sultan Abdul Hamid II sebagai pemimpin kepada umat Islam diseluruh dunia walaupun





Dawlah 'Uthmaniyyah dalam keadaan yang sangat lemah pada ketika itu. Bukti kecintaan dan penghormatan Syeikh Ahmad Al-Fatani dapat dilihat menerusi karya beliau *Hadīqah al-Azhār Wa al-Rayāhīn* yang membahas tentang sejarah *Dawlah 'Uthmaniyyah* (Redzuan Othman, 2005).

1.3 Pernyataan Masalah

Ideologi Pan-Islamisme yang digerakkan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II pada akhir abad ke-19M telah mencetuskan semangat kesatuan terhadap umat Islam di seluruh dunia. Peristiwa penting ini tercatat dalam sejarah *'Uthmāniyyah* sebagai satu usaha yang sangat signifikan dalam menentang era kolonial yang sedang membumi di wilayah umat Islam pada ketika itu. Fahaman ini kemudiannya disokong oleh pelbagai lapisan umat Islam terutamanya para intelektual termasuklah yang berada di Tanah Melayu. Mereka turut terkehadapan dalam menyambut baik seruan Pan-Islamisme dan menyebarkannya dalam kalangan masyarakat tempatan.

Berdasarkan kajian lepas, tokoh yang dicatatkan sangat signifikan dalam penyebaran gagasan Pan-Islamisme di Tanah Melayu malah mempunyai hubungan yang erat dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* adalah Syeikh Ahmad Al-Fatani. Namun begitu, beberapa kajian yang membincangkan hal tersebut hanya memberikan gambaran umum atau menyebut nama beliau sahaja dalam penulisan berkaitan penyebaran fahaman Pan-Islamisme.





Hal ini seperti yang dibincangkan oleh kajian sarjana Zulhelman Roslan (2018) yang menyenaraikan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Beliau menjelaskan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani diberikan tanggungjawab untuk menyelia mesin cetak di Mekah milik *'Uthmāniyyah*. Malah, beliau digambarkan sangat terinspirasi dengan kepimpinan Sultan Abdul al-Hamid II menerusi polisi Pan-Islamisme ketika berjuang menentang penjajahan kuasa Barat. Impaknya, beliau sentiasa menyeru umat Islam yang berada di Tanah Melayu untuk bersama *Dawlah 'Uthmāniyyah* dalam menentang penjajah. Justeru, pengkaji melihat Syeikh Ahmad Al-Fatani merupakan satu-satunya ulama yang berbangsa Melayu yang mempunyai peranan dalam Pan-Islamisme yang disenaraikan oleh Zulhelman. Di samping itu, berdasarkan penelitian daripada kajian Eeman Abbas (2001) juga telah menyenaraikan tokoh-tokoh terpenting dalam gerakan Pan-Islamisme dari seluruh negara dan turut menyertakan nama Syeikh Ahmad Al-Fatani. Namun begitu, perbincangan dalam kajian Eeman Abbas ini tidak dijelaskan secara mendalam tentang peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gagasan Pan-Islamisme. Hal ini kerana, kajian tersebut lebih berfokus kepada kejatuhan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sahaja. Malah dalam kajian tersebut, Eeman Abbas mencadangkan supaya peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gerakan Pan-Islamisme perlu diteliti dalam satu kajian lain.

Muhammad Aslah Akmal dan Ashraf Ahmad Hadi (2021) dalam kajian mereka menyatakan bahawa semangat Pan-Islamisme dalam kalangan orang Melayu dipengaruhi oleh para pelajar yang menuntut ilmu di Timur Tengah, khususnya di Mekah, sebelum kembali ke tanah air dan menyebarkan gagasan tersebut. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa pengaruh Pan-Islamisme serta penerimaan Sultan Abdul Hamid II sebagai Khalifah Islam disampaikan melalui penulisan dan penerbitan





melalui beberapa tokoh. Salah seorang tokoh utama yang terlibat dalam usaha ini ialah Syeikh Ahmad Al-Fatani. Namun demikian, kajian ini tidak meneliti secara mendalam penulisan-penulisan Syeikh Ahmad Al-Fatani yang berkaitan dengan Pan-Islamisme. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis karya-karya beliau yang berkaitan dengan gerakan Pan-Islamisme serta sumbangannya dalam memperkukuhkan idea tersebut dalam kalangan masyarakat Melayu.

Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Nurul Hidayah Abd Aziz, Paiz Hassan, dan Muhammad Yusri Yusof @Salleh (2019) dalam kajian mereka mengenai pengaruh Pan-Islamisme di Tanah Melayu turut menekankan kepentingan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam kebangkitan perjuangan menentang penjajahan di Alam Melayu. Kajian ini menyatakan bahawa Mekah menjadi pusat gerakan perjuangan kemerdekaan, di mana Syeikh Ahmad Al-Fatani memainkan peranan aktif dalam membangkitkan kesedaran politik dan perjuangan umat Islam. Selain itu, beliau juga dikatakan menjalin hubungan erat dengan pemerintah negeri-negeri Melayu seperti Patani, Kelantan, Terengganu, dan Riau-Lingga melalui kiriman surat kepada pemimpin-pemimpin negeri tersebut, dengan tujuan menanamkan semangat jihad menentang penjajahan di wilayah mereka. Namun begitu, meskipun kajian ini mengakui peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam menyemarakkan semangat Pan-Islamisme dan perjuangan kemerdekaan, perbincangan yang diketengahkan masih bersifat umum dan tidak dibincangkan secara mendalam. masih terdapat kekurangan dalam kajian mengenai strategi serta impak sebenar pemikiran dan tindakan Syeikh Ahmad Al-Fatani terhadap gerakan kemerdekaan di Alam Melayu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti dengan lebih mendalam





peranan dan pengaruh beliau dalam konteks Pan-Islamisme, khususnya dalam membangkitkan kesedaran politik umat Islam di Alam Melayu.

Kajian oleh Redzuan Othman (2005) menyatakan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani merupakan antara ulama Melayu terawal yang berusaha memperkenalkan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sebagai pemimpin umat Islam kepada masyarakat Melayu, yang seterusnya memberi kesan signifikan terhadap pemikiran dan kesedaran politik mereka. Perkara ini turut diperjelaskan oleh Hasanuddin (2006), yang menegaskan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani memainkan peranan penting sebagai penggerak kebangkitan politik dalam kalangan ulama Melayu dan komuniti Melayu di Mekah bagi menghadapi penjajahan Barat. Selain itu, beliau juga menjadi tokoh rujukan utama bagi pemimpin-pemimpin di Tanah Melayu dalam pelbagai aspek, termasuk isu ekonomi, politik, dan kebudayaan. Namun demikian, kajian-kajian tersebut tidak meneliti secara mendalam bagaimana gagasan Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Syeikh Ahmad Al-Fatani diterjemahkan secara praktikal dalam membentuk pemikiran serta gerakan Islam di Alam Melayu. Kajian spesifik mengenai jaringan hubungan beliau dengan pemimpin Islam serantau serta peranannya dalam memperkukuh kesedaran identiti umat Islam Melayu dalam konteks kebangkitan Pan-Islamisme global masih belum diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, pengkaji mengenal pasti bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani mempunyai peranan yang besar dalam *Dawlah 'Uthmāniyyah* dan merupakan individu yang penting dalam penyebaran gagasan Pan-Islamisme kepada komuniti masyarakat Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pada kajian lepas, peranan beliau dalam Pan-





Islamisme ini tidak dibincangkan secara khusus terutamanya berkait dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* secara langsung, namun hanya ditulis secara ringkas. Penulisan-penulisan kajian tersebut telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menganalisis peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam menyebarkan Pan-Islamisme lebih-lebih lagi kepada wilayah Nusantara. Oleh itu, pengkaji melihat perlunya penelitian khusus berkaitan peranan dan pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani terhadap gagasan Pan-Islamisme yang dirancang oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menyelamatkan dunia Islam di seluruh dunia khususnya di Tanah Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ialah:

1. Mengenalpasti latar belakang perkembangan gagasan Pan-Islamisme pada era Sultan Abdul Hamid II.
2. Menganalisis latar belakang dan pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani.
3. Menganalisis peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gagasan Pan-Islamisme.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimana gagasan Pan-Islamisme pada era Sultan Abdul Hamid II?
2. Apakah latar belakang dan pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani?





3. Sejauhmanakah peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gagasan Pan-Islamisme?

1.6 Definisi Operasi Kajian

1.6.1 Ulama

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (1996), ulama adalah orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam. Ulama juga memberi erti orang yang berilmu, cerdik pandai atau orang yang mempunyai kepakaran sama ada kepakaran bidang duniawi atau ukhrawi. Dari segi bahasa, ulama adalah nama dan sifat kepada mereka yang memiliki ilmu khas dan mengetahui pengetahuan agama Islam serta mempunyai sifat tertentu. Dari segi istilah, ulama ialah orang yang takut kepada Allah SWT, iaitu mereka yang teliti dan mengamalkan dengan sebenarnya sesuatu kajian yang diciptakan Allah SWT (Berhanundin Abdullah, 2018).

Firman Allah SWT:

...إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ...

Maksudnya: Di antara hamba-hamba Allah yang takut kepada-Nya, hanyalah para ulama. (Surah Faathir 35:28)

Ibnu Abbas menafsirkan, ulama adalah orang mengenali bahawa Allah SWT berkuasa atas segala sesuatu, orang tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu, orang yang menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah SWT dan mengharamkan apa yang diharamkan Allah SWT (Al-Sabuni & Muhammad Ali, 1974).





1.6.2 Pan-Islamisme

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (1996), perkataan Pan bermaksud seluruh atau segenap. Manakala Islam pula adalah ajaran yang disampaikan oleh Nabi SAW. Perkataan “isme” menunjukkan kata nama yang merujuk kepada kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan. Dalam konsep politik, *ḥarakah al-jāmi‘ah* atau *pan-movement* adalah nama yang diberikan kepada setiap usaha yang disusun bagi menyatukan sesuatu kawasan geografi, atau sesuatu kelompok yang memiliki bahasa yang satu, atau sesuatu ummat, atau sesuatu kaum atau sesuatu agama (Eeman Abbas, 2019).

Menurut Keddie (1966), idea Pan-Islamisme telah dikenalpasti bermula pada tahun 1774M iaitu selepas perjanjian Kucuk Kainarja. Semasa itu sultan telah mengisytiharkan dirinya sebagai ketua kepada seluruh dunia Islam termasuk di luar wilayah *‘Uthmāniyyah* (Keddie, 1966). Menurut Gokhan Çetinsaya (2009) dalam *Encyclopedia Of Ottoman Empire*, Pan-Islamisme ialah idea, gerakan dan dasar yang menganjurkan perpaduan umat Islam di dalam dan luar empayar *‘Uthmāniyyah* bernaung di bawah kepimpinan *‘Uthmāniyyah*. Gerakan ini muncul akibat campur tangan kuasa-kuasa besar Eropah terhadap wilayah-wilayah Islam dalam *‘Uthmāniyyah* dan penjajahan yang berlaku di wilayah Islam yang lain. Pada separuh abad ke-19M, Pan-Islamisme telah muncul sebagai idea politik dalam *Dawlah ‘Uthmāniyyah*. Istilah pertama Pan-Islamisme ini telah digunakan oleh wartawan *‘Uthmāniyyah* pada akhir 1860M sebagai *Ittihad-i Islam* yang bermaksud kesatuan Islam (Gokhan Çetinsaya, 2009).





1.6.3 *Dawlah Islam*

Istilah *Dawlah* berasal dari bahasa Arab '*dawlah*' yang berarti bergilir, beredar dan berputar. Istilah tersebut dapat dimaksudkan sebagai kelompok sosial yang menetap di wilayah tertentu dan diperintah oleh suatu pemerintahan yang menyusun kepentingan dan kemaslahatan. Olaf Schumann berpendapat bahawa *dawlah* bermaksud "Dinasti" atau "warga" yang bermaksud suatu sistem pemerintahan oleh seseorang pemerintah yang didukung oleh keluarganya dan menunjukkan bahawa *Dawlah* itu adalah sesebuah negara (*soverignty*) atau bangsa (*nation state*) (Olaf Schumann, 1999). Sebaliknya Azumardi Azra (1995) mengatakan bahawa *Dawlah* tidak sama dengan konsep kedaulatan atau bukan negara (*nation state*) (Azumardi Azra, 1995). M. Din Samsuddin menyatakan bahawa apabila *Dawlah* dinisbahkan dengan kekuasaan '*Abbāsiyyah* dan '*Uthmāniyyah*, maka *dawlah* bertukar makna menjadi negara atau kekuasaan negara. Oleh itu, timbullah konsep negara atau negara-bangsa serta pemikiran politik (Tuti Munfaridah, 2016).

1.6.4 *Gerakan Islam*

Gerakan Islam (*ḥarakah al-Islāmiyyah*) adalah gerakan yang berorganisasi yang memperjuangkan aspirasi kelompok muslim tertentu. Gerakan Islam merupakan suatu pertubuhan antarabangsa yang didokong oleh para pejuang Muslim di negara-negara Islam. Ia merupakan wadah yang memperjuangkan kepentingan ummah berasaskan prinsip-prinsip tersendiri. Secara umumnya gerakan Islam bergiat secara agresif dan aktif bermula pada abad ke-17M akibat penaklukan kuasa Barat pada negara-negara





Islam dan berlaku kepincangan ilmu, kejahilan dan perpecahan yang sedang melanda dalam kalangan dalam umat Islam. Namun begitu, tekanan ini jugalah yang telah membawa kepada kelahiran beberapa gerakan Islam yang bangkit memperjuangkan *islāh* dan *tajdid* (Siti Zaubaidah Hj Abu Bakar, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Mizan Mohammad Aslam & Azura Muhammad Kifli, 2013).

1.7 Batasan/Limitasi Kajian

Kajian ini berfokuskan terhadap perbincangan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gagasan Pan-Islamisme. Perbincangan ini termasuk peranan beliau terhadap penyebaran kesedaran Islam dan kesatuan Islam kepada pelajar-pelajar Melayu. Segala tindakan beliau yang berkaitan dalam kesatuan Islam atau Pan-Islamisme seperti menjadi penyelia mesin percetakan '*Uthmāniyyah*', menjadi ahli lantikan '*Uthmāniyyah*', dan sebagai penasihat kepada Sultan-Sultan Melayu akan dianalisis dan diperincikan dalam kajian ini. Selain itu, penulisan-penulisan beliau yang berkaitan dengan Pan-Islamisme akan turut dibincangkan.

Era yang dikaji adalah sepanjang hidup beliau iaitu pada tahun 1866M sehingga 1908M namun begitu, ia lebih difokuskan semasa bermula daripada kepulangan beliau ke Mekah dari Mesir. Kemudiannya, beliau meneruskan perjalanan dakwah dan pendidikan khususnya bersama-sama dengan pelajar Melayu serta perlantikan beliau sebagai ketua di beberapa organisasi termasuk ketua bahagian percetakan Melayu di kilang percetakan *Maṭba'ah al-Mīriyyah* oleh Sultan Abdul Hamid II.





Kajian ini berlatar belakangkan zaman pengakhiran *Dawlah 'Uthmāniyyah* iaitu semasa pemerintahan sultan Abdul Hamid II (1876M-1909M) dan tertumpu semasa perancangan Pan-Islamisme digerakkan di hampir seluruh dunia Islam.

1.8 Metodologi Kajian

1.8.1 Reka bentuk kajian

Secara umumnya, kajian ini bersifat kualitatif berbentuk kajian analisis dokumen. Kaedah ini merujuk suatu proses meneliti dan menganalisis secara kritis catatan dan yang diperoleh mengikut bidang kajian tertentu terutamanya dalam hal ehwal sejarah.

Sumber sejarah pula perlu diteliti sumber rujukan bagi sesuatu peristiwa, tokoh atau institusi sejarah yang dikaji (Muhd Yusof Ibrahim, 2016). Kaedah ini menggabungkan pendekatan sosiologi dengan metod sejarah bagi menjelaskan fenomena umat Islam lebih global.

Pengkaji perlu mengenal pasti dari segi lokasi atau tempat sumber adalah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Dapatan kajian ini diperoleh daripada kajian kepustakaan. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti sumber rujukan daripada institusi sejarah seperti Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Selain itu, sumber kajian ini diambil di beberapa buah perpustakaan universiti seperti, Perpustakaan Akademik Pengajian Islam, Perpustakaan Universiti Malaya, dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.





1.8.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah kajian kepustakaan digunakan sepanjang penyelidikan ini berlangsung adalah untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder berkaitan dengan peranan dan pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam membantu gerakan Pan-Islamisme secara langsung dan tidak langsung.

1.8.2.1 Pemilihan Sumber

Sumber dalam kajian sejarah membawa maksud bahan rujukan yang mesti dicari dan digunakan serta ditafsir oleh sejarawan dalam usaha mendapatkan bukti atau maklumat bagi sesuatu peristiwa (Nabir Hj Abdullah, Ishak Saat, Fairisa Othman, 2013). Dalam penulisan sejarah, sumber memainkan peranan yang sangat penting. Tanpa sumber, sesuatu catatan itu boleh dipersoal kesahihannya. Jenis sumber kajian sejarah adalah berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder.

Kajian ini akan mengambil sumber utama seperti kitab-kitab yang dikarang oleh Syeikh Ahmad Al-Fatani berkaitan dengan politik Islam dan *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Seterusnya, kajian ini akan mengambil sumber kedua seperti buku, tesis, artikel, ensiklopedia, majalah dan jurnal berkenaan penulisan kajian terhadap pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani, anak-anak murid beliau yang terdiri daripada sultan-sultan dan ulama, *Dawlah 'Uthmāniyyah* dan polisi Pan-Islamisme pada zaman Sultan Abdul Hamid II.





1.8.3 Kaedah Penganalisan Data

Tujuan analisis dijalankan adalah untuk memberi gambaran yang lebih kritis, teliti dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Pengkaji perlu menganalisa sesuatu peristiwa sejarah daripada sumber yang diperolehi. Jenis-jenis penganalisan ialah analisa bentuk kritikal, naratif, pendedahan, penghujahan dan sebagainya. Melalui analisa ini, pengkaji boleh mengaitkan satu peristiwa sejarah engan peristiwa yang lain (Nabir Hj Abdullah, Ishak Saat & Fairisa Othman, 2013).

Analisis data dilakukan berdasarkan kajian dokumen ke atas bahan-bahan berkaitan dengan subjek kajian yang telah dikumpul ketika proses pengumpulan data. Hal ini melibatkan analisis terhadap kitab-kitab tokoh, kajian tesis yang berkenaan dan buku-buku yang berkaitan dengan kajian. Dokumen-dokumen tersebut akan diambil di beberapa buah universiti seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan turut diambil di Perpustakaan Negara serta Arkib Negara.

Analisis memfokuskan terhadap beberapa aspek berkenaan pemikiran dan perjalanan Syeikh Ahmd Al-Fatani dalam menyebarkan kesatuan Islam. Pengkaji juga perlu meneliti jenis sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Adakah dari sumber utama, kedua, lisan atau artifak-artifak. Setelah sumber-sumber dan data-data siap dibaca, dibuat catatan dan dikritik, langkah terakhir dan langkah yang terpenting bagi seorang pengkaji sejarah adalah menulis semula data-data yang diperolehi (Muhd. Yusof Ibrahim, 2016).





1.8.3.1 Metode tematik

Bahan-bahan primer dan sekunder berkenaan kajian akan dikumpulkan dan diklasifikasikan mengikut tema berkenaan fokus kajian ini. Bahan kajian ini akan dikumpulkan mengikut tema kajian iaitu seperti Pan-Islamisme *Dawlah 'Uthmāniyyah*, dan pemikiran Pan-Islamisme Syeikh Ahmad al-Fatani.

1.8.3.2 Metode deduktif

Metod deduktif merupakan metod yang digunakan dalam menganalisis data daripada keadaannya yang umum (*general*) kepada keadaan yang lebih spesifik (*specific observation*). Kajian ini bermula dengan keterlibatan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam gagasan Pan-Islamisme dan kajian ini diteruskan kepada analisis pemikiran dan tindakan tokoh terhadap penyebaran Pan-Islamisme. Kajian ini dinyatakan dengan lebih spesifik melalui kesan penyebaran tersebut kepada bangsa Melayu terutamanya di Tanah Melayu.

1.9 Tinjauan Literatur

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas termasuklah tesis, artikel, jurnal dan buku. Pengkaji menyusun kajian literatur mengikut 3 tema iaitu Pan-Islamisme, *'Uthmāniyyah* dan Alam Melayu serta ketokohan Syeikh Ahmad Al-Fatani :





1.9.1 Pan-Islamisme

Ahmad Abdul Rahim Mustafa (1983) dalam penulisan beliau "*Fī Usūl Al-Tārikh Al-Uthmaniyyah*" telah membincangkan tentang sejarah asal usul '*Uthmāniyyah* sehingga perkembangannya. Karya ini memfokuskan tentang sistem pemerintahan '*Uthmāniyyah* serta konflik yang berlaku selepas pemerintahan Sultan Sulaiman al-Qanuni. Seterusnya, penulis membincangkan pemerintahan pada era Sultan Abdul Hamid II sehingga era kejatuhan '*Uthmāniyyah* dengan kebangkitan gerakan nasionalisme yang membawa kepada penubuhan negara Republik Turki. Penulisan tentang Pan-Islamisme ada dinyatakan dibawah bab pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Penulis telah menggunakan istilah Pan-Islamisme sebagai *Ḥarakah Jāmi'ah al-Islāmiyyah* dan turut membincangkan tentang pelaksanaan gagasan ini serta kesannya terhadap negara-negara luar '*Uthmāniyyah*.



Terdapat kajian mengenai pengakhiran *Dawlah 'Uthmāniyyah* pada pemerintahan Sultan Abdul Hamid II oleh Eeman Abbas (2001) yang bertajuk "*Sultan Abdul Hamid II dan pertentangan dengan gerakan Nasionalis dan minoriti dalam pemerintahan Uthmaniah dari tahun 1876-1909M/ 1293-1327H*". Kajian ini telah membincangkan permulaan *Dawlah Uthmāniyyah* dan perpecahan yang berlaku dalam *Dawlah Uthmāniyyah*. Kajian menunjukkan wujudnya pertarungan politik dan pemikiran di antara *Dawlah 'Uthmaniyyah* dan wujudnya gerakan perkauman (nasionalisme) yang muncul dalam kalangan umat Islam pada penghujung abad ke-19M dan permulaan abad ke-20M yang ingin menghancurkan *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Pengkaji juga membincangkan secara terperinci tentang rancangan Pan-Islamsime Sultan Abdul Hamid II dari sudut definisi, konsep dan faktor kelahiran Pan-Islamisme.





Eeman turut menyenaraikan tokoh Pan-Islamisme dari seluruh negara Islam dan gema tindakbalas gagasan ini terutamanya daripada Eropah dan Barat.

Perbincangan Pan-Islamisme turut dibincangkan dalam kajian Ermy Azziaty (2002) iaitu “*Polisi Pan-Islamisme dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah di bawah Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II*”. Kajian ini membincangkan tentang gagasan Pan-Islamisme dari sudut pengertian ideologi, pembentukannya serta dasar yang mendukung Pan-Islamisme. Penulis turut membincangkan beberapa metode pelaksanaan yang dilakukan oleh pemerintah sebagai manifestasi kepada polisi Pan-Islamisme. Uniknya, kajian ini turut menjelaskan pengaruh gagasan ini di wilayah Asia Tenggara.

Polisi-polisi Pan-Islamisme telah diterangkan dalam penulisan Al-Şollabī (2007) iaitu “*al-Sultan ‘Abd al-Hamīd al-thānī: wa fikrah al-jāmi’ah al-Islāmiyyah wa asbāb zawāl al-khilāfah al-‘Uthmāniyyah*”. Dalam penulisan bahasa Arab ini, penulis mengistilahkan Pan-Islamisme dengan perkataan “*al-jāmi’ah al-Islāmiyyah*”. Buku ini menyatakan pendekatan Sultan Abdul Hamid II dalam melaksanakan rancangan kesatuan Islam ini. Antaranya, baginda telah berhubung dengan para tokoh dan pendakwah untuk membincangkan rancangan tersebut, menggunakan tarekat-tarekat sufi untuk menyebarkan gagasan ini, mendirikan institusi-institusi, penggunaan bahasa Arab dalam *Dawlah ‘Uthmāniyyah* dan membina keretapi Hijaz.

Selain itu, kajian tentang Pan-Islamisme telah dibincangkan oleh Caesar E. Farah (2008) dalam karya beliau “*Abdul Hamid II and The Muslim World*”. Penulisan ini membincangkan tentang kontroversi yang berlaku dalam kalangan penulis terhadap





kepimpinan Sultan Abdul Hamid II. Kajian ini telah ditulis dengan menggunakan pendekatan yang seimbang dan neutral iaitu tidak berat sebelah terhadap Sultan Abdul Hamid II. Penulisan ini mengemukakan kajian-kajian terbaru tentang Sultan Abdul Hamid II yang menjalankan dasar-dasar pemerintahan yang memberi manfaat kepada umat Islam. Kajian ini juga memfokuskan kepada perbincangan polisi rancangan Pan-Islamisme yang bersifat penyatuan umat Islam antarabangsa.

Di samping itu, dalam penulisan Zakariya Sulaiman Bayumi (2009) yang bertajuk "*Qirā'ah Islāmiyyah fī tārīkh Al-Dawlah Al-'Uthmāniyyah*" menjelaskan berkaitan sejarah *Dawlah 'Uthmāniyyah* dan perikatan Yahudi serta peristiwa terpecahnya wilayah-wilayah di bawah penguasaan *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Penulisan ini juga membincangkan tentang Sultan Abdul Hamid II dan pemikirannya berkenaan kesatuan Islam atau Pan-Islamisme.



Terdapat juga kajian lain berkaitan Pan-Islamisme dalam penulisan Ermy Azziaty (2010) yang bertajuk "*Turki Uthmaniyyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu, 1876-1942*". Kajian PhD ini membahaskan tentang persepsi dan pengaruh Turki *Uthmāniyyah* terhadap masyarakat Melayu. Penulis ada membincangkan tentang sejarah asal usul Pan-Islamisme dan polisi-polisi gagasan tersebut malah, turut diterangkan kesan gagasan ini kepada umat Islam di Tanah Melayu.

Manakala, Deden A. Herdiansyah (2017) dalam penulisan beliau, "*Jejak kekhalifahan Turki Uthmani di Nusantara*" membincangkan hubungan *Dawlah 'Uthmāniyyah* dan Nusantara pada abad ke-19M hingga 20M. Penulis ada





menerangkan tentang Pan-Islamisme yang dibawa oleh Sultan Abdul Hamid II serta polisi-polisi Pan-Islamisme yang antaranya adalah pembinaan kereta api Hijaz. Penulis turut menyatakan bahawa seruan Pan-Islamisme sampai ke Nusantara sehingga telah menyuburkan semangat menentang penjajah. Karya ini turut menyatakan kesan Pan-Islamisme terhadap bahagian Nusantara yang dijajah oleh Hindia Belanda.

Selain itu, perkembangan Pan-Islamisme di negeri-negeri Melayu pada zaman perang dunia pertama dibincangkan dalam artikel Muhammad Aslah Akmal & Ashraf Ahmad Hadi (2021) bertajuk “*Pan-Islamism in the Malay States and British Reaction (1912-1918)*”. Ia menyorot berkaitan situasi Tanah Melayu yang mempunyai hubungan baik dengan kerajaan *Dawlah ‘Uthmāniyyah*. Ini memperlihatkan semangat Pan-Islamisme telah mula disebarkan ke Negeri-Negeri Melayu oleh para sarjana Islam.

Antara agenda fahaman ini adalah untuk menyokong kerajaan *‘Uthmāniyyah* atas prinsip kesatuan umat Islam sejagat. Penulisan ini memberikan maklumat dan gambaran berkaitan keadaan masyarakat Tanah Melayu yang sedang dijajah oleh British namun, kesedaran yang dicetuskan oleh fahaman Pan-Islamisme telah memberikan kekuatan untuk mereka melawan penjajahan dengan lebih agresif.

1.9.2 *Dawlah ‘Uthmāniyyah* dan Alam Melayu

Artikel Hasrizal Abdul Jamil (1996) telah membincangkan tentang hubungan *Dawlah ‘Uthmāniyyah* dan Alam Melayu dalam karyanya “*Hubungan Turki dan Alam Melayu Merentasi Sejarah*”. Penulisan ini merupakan suntingan daripada buku *Islamic Identity and Development Studies of Islamic Periphery* oleh Mehmet Ozay, Universiti Mu’tah,





Jordan. Penulis ada menyatakan tentang hubungan Turki dan Alam Melayu melalui tiga peringkat iaitu hubungan klasik awal, era perang dunia pertama dan zaman berakhirnya *Dawlah 'Uthmāniyyah* dan pembentukan Republik Turki oleh Atatürk. Penulisan ini turut dinyatakan tentang penyebaran Pan-Islamisme di Alam Melayu secara ringkas dan menyifatkan penyebaran fahaman Pan-Islamisme dalam masyarakat Islam telah mengelirukan kuasa Barat.

Selain itu, hubungan *'Uthmāniyyah* dan Alam Melayu telah dibincangkan dalam penulisan Mohammad Redzuan Othman (2005) bertajuk "*Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*". Penulis berpandangan bahawa hubungan Alam Melayu dan khilafah *'Uthmāniyyah* telah berlaku pada akhir abad ke-19M dan abad ke-20M. Penulis menyebut seruan Pan-Islamisme kepada orang Melayu yang dipelopori oleh Sultan Abdul Hamid II mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui peranan beberapa individu seperti Syeikh Ahmad Al-Fatani.

Hubungan Turki *'Uthmāniyyah* dan Alam Melayu juga turut dikaji oleh Ermy Azziaty (2010) dalam kajian PhD beliau, "*Turki Uthmaniah: Persepsi dan Pengaruh Dalam Masyarakat Melayu 1876-1942*". Penulis menjelaskan bahawa hubungan Melayu dan *'Uthmāniyyah* telah terjalin sejak abad ke-16M lagi. Turut dinyatakan juga persepsi dan pengaruh masyarakat Melayu terhadap *Dawlah 'Uthmāniyyah* pada akhir abad ke-19M sehingga abad ke-20M. Perkara itu dapat dikesan melalui penulisan ulama-ulama Melayu yang memainkan peranan yang penting dalam bidang politik di Alam Melayu. Penulis turut membincangkan era penjajahan Barat terhadap masyarakat Melayu yang akhirnya mendorong Syeikh Ahmad Al-Fatani mendokong khalifah





Dawlah 'Uthmāniyyah sebagai ketua kepada umat Islam dan berupaya membantu wilayah Islam dijajah.

Di samping itu, kajian Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Nurul Hidayah Abd Aziz, Paiz Hassan, Muhammad Yusri Yusof @Salleh (2019) bertajuk “*Struggle against Colonizer: The Commitment of Ashab Jawi*” yang memberikan gambaran bahawa Alam Melayu dan hubungannya dengan pemerintah ‘*Uthmāniyyah* telah terjalin sekian lama. Bahkan, pelbagai reaksi serta tindak balas terhadap penjajahan di Tanah Melayu telah dipengaruhi oleh apa yang disarankan oleh gagasan Pan-Islamisme. Seruan jihad yang dilaungkan oleh pemerintah ‘*Uthmāniyyah* segera disambut baik oleh umat Islam di Tanah Melayu tanpa ragu kerana pemahaman berkaitan kesatuan Islam yang disebarkan.



1.9.3 Syeikh Ahmad Al-Fatani

Kajian terhadap Syeikh Ahmad Al-Fatani telah dilakukan oleh Wan Mohd Shaghir (1992) dalam karya beliau “*Al-allahamah Syeikh Ahmad al-Fatani Ahli Fikri Islam dan Dunia Melayu*”. Penulisan ini membincangkan biografi lengkap Syeikh Ahmad Al-Fatani serta keilmuan dan pemikiran yang dimiliki oleh Syeikh Ahmad Al-Fatani. Penulisan ini telah membincangkan tentang pemikiran politik Syeikh Ahmad Al-Fatani. Wan Mohd Shaghir turut menjelaskan pemikiran dan jasa-jasa beliau dalam bidang percetakan dan penerbitan kitab-kitab Melayu Jawi. Salah satunya adalah percetakan *Maṭba‘ah al-Miriyyah al-kāinah* di Mekah. Syeikh Ahmad Al-Fatani telah dilantik oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai penyelia percetakan ini.





Eeman Abbas (2001) turut membincangkan tentang Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam kajian PhD beliau iaitu “*Sultan ‘Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah Peranan Gerakan Nasionalism dan Golongan Minoriti*”. Penulis menerangkan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani telah disenaraikan sebagai tokoh yang penting dalam menyebarkan gagasan Pan-Islamisme. Menariknya, Syeikh Ahmad Al-Fatani merupakan satu-satunya ulama dari Nusantara yang berperanan dalam gagasan ini dan karya beliau *Hadīqah al-Azhār wa al-Rayāhīn* merupakan karya pertama dalam penulisan jawi yang menulis tentang sejarah ‘*Uthmāniyyah*.

Terdapat kajian terhadap pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani mengenai teori kepemimpinan menurut perspektif Islam yang dinukilkan oleh Mahamarorsadee Makoowing (2004) dalam kajian beliau “*Teori Kepimpinan Menurut Perspektif Islam: Suatu kajian terhadap pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani*”. Kajian telah membincangkan tentang landasan teori kajian dan diikuti dengan huraian mengenai biografi serta latarbelakang Syeikh Ahmad al-Fatani. Seterusnya, Mahamarorsadee turut meneliti dan menganalisis pemikiran beliau yang berhubungan dengan persoalan kepemimpinan. Penulis turut menyebut tentang hubungan Syeikh Ahmad Al-Fatani dengan ulama-ulama, sultan-sultan Melayu dan hubungannya dengan *Dawlah ‘Uthmāniyyah*. Turut dibincangkan juga sikap Syeikh Ahmad Al-Fatani terhadap penjajahan dan sumbangan serta pengaruh kepemimpinan Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam masyarakat.

Dalam penulisan Mohammad Redzuan Othman (2005) bertajuk “*Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*”, telah membincangkan tentang peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani sebagai ulama besar Melayu di Mekah dan





salah seorang Melayu yang terawal menuntut ilmu di Universiti al-Azhar, Mesir. Syeikh Ahmad Al-Fatani telah digambarkan oleh penulis sebagai seorang yang anti penjajah dan menyanjung kepimpinan serta peranan yang dimainkan oleh *Dawlah 'Uthmāniyyah*. Turut disebutkan bahawa Syeikh Ahmad Al-Fatani adalah merupakan individu yang terawal dalam memberi kesedaran kepada orang Melayu tentang peranan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sebagai pelindung umat Islam dan kepimpinan berwibawa Sultan Abdul Hamid II.

Seterusnya, karya Wan Mohd Shaghir (2005) iaitu "*Sheikh Ahmad Al-Fathani pemikir Agung Melayu dan Islam*", menyatakan dengan jelas tentang pemikiran dan keilmuan Syeikh Ahmad al-Fatani. Di samping menyatakan biografi Syeikh Ahmad al-Fatani, penulis juga melampirkan catatan perjalanan kehidupan beliau dari Patani sehingga ke Mekah, Mesir, Turki dan lain-lain. Turut dibincangkan tentang guru-guru dan anak didik beliau di Alam Melayu. Penulis juga menerangkan keistimewaan Syeikh Ahmad Al-Fatani yang telah mendalami 47 jenis ilmu termasuk ilmu kemasyarakatan dan politik.

Selain itu, turut dibincangkan oleh Hasanudin Daud (2006) dalam artikel kajian beliau iaitu "*Sejarah Hubungan Ulama-Umara':Pengalaman Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani (1856-1908)*" tentang pemikiran Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam bidang politik. Beliau juga disifatkan sebagai ulama yang agresif dan individu yang bertanggungjawab bagi membangkitkan gerakan politik dalam kalangan sebahagian besar ulama-ulama Alam Melayu pada ketika itu. Turut dibincangkan mengenai hubungan beliau dengan beberapa tokoh ulama-ulama dan sultan-sultan Alam Melayu seperti Kesultanan Johor.





Di samping itu, Hasanudin Daud (2009) turut merungkai dalam artikel beliau “*Islam dan Politik: Dinamika kerjasama Tokoh serumpun Dalam Menghadapi Penjajah*” berkaitan wujudnya kerjasama awal tokoh serumpun Alam Melayu bagi menentang penjajah. Penulis membincangkan ulama di Mekah yang aktif pada akhir abad ke-17M seperti Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin Al-Ashi dari Aceh, Muhammad Aqib Hassanuddin al-Falembani dari Palembang dan lain-lain. Ulama tersebut mengkaderkan ulama-ulama pada generasi bawah seperti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Abdul Wahab Bugis dan lain-lain. Penulis turut menyatakan bahawa Syeikh Daud Al-Fatani aktif menentang penjajah secara terbuka dan telah mengkader beberapa ulama pejuang seperti Syeikh Abdul Halim Kelantan, Syeikh Wan Hassan. Syeikh Ahmad Al-Fatani berada pada generasi kedua murid kepada Syeikh Daud Al-Fatani turut disenaraikan oleh penulis sebagai ulama yang menentang penjajah. Penulis menyatakan usaha-usaha dan gerakan ulama-ulama ini dalam menghadapi penjajah dan hubungan mereka bersama Sultan Melayu.

Seterusnya, artikel “*The Role of Sheikh Wan Ahmad al-Fatani in the Malay Publications and Printing in the Middle East*” oleh Ermy Azziaty (2014) telah membincangkan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani sebagai ketua bahagian Melayu kilang *Maṭba‘ah al-Miriyyah al-kāinah* di Mekah. Kilang percetakan ini mencetak kitab-kitab yang berbahasa Melayu dan Arab bertujuan untuk menyebarkan ilmu-ilmu Islam dalam kalangan masyarakat Mekah terutama bangsa Melayu. Kilang ini turut disokong dan dibiayai oleh *Dawlah ‘Uthmāniyyah*.

Artikel “*Polisi Pan-Islamisme dalam Sultan Abdul Hamid II (1876M-1909M)*” yang ditulis oleh Zulhelman Roslan dan Ermy Azziaty Rozali (2017), telah





membincangkan kenyataan al-Sallabi yang menyatakan Sultan Abdul Hamid II menggunakan beberapa metode pelaksanaan untuk merealisasikan polisi Pan-Islamisme yang diperkenalkan oleh baginda. Kajian ini juga turut membincangkan antara metode pelaksanaan Pan-Islamisme ialah melalui peranan tokoh dan intelektual. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa tokoh yang memainkan peranan yang penting dalam gagasan ini antaranya ialah Jamaluddin al-Afghani, Mustafa Kamil Pasha dan Syeikh Ahmad al-Fatani.

Merujuk kepada ketiga-ketiga tema di atas dapat dirumuskan bahawa Pan-Islamisme yang digerakkan oleh Sultan Abdul Hamid II bertujuan menyatukan umat Islam di bawah satu gagasan kesatuan agama dan politik. Ia mencetuskan kesedaran dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia termasuk di Alam Melayu tentang perlunya perpaduan menghadapi ancaman penjajahan dan nasionalisme yang memecahbelahkan. *Dawlah 'Uthmaniyyah* telah menjadi simbol khilafah yang melaksanakan Pan-Islamisme. Hubungan rapat dengan Alam Melayu menunjukkan pengaruh Turki *'Uthmaniyyah* sebagai model politik dan agama. Sokongan terhadap khalifah mencetuskan solidariti di Alam Melayu untuk menentang penjajah dilihatkan sebagai penerimaan bangsa Melayu terhadap Pan-Islamisme. Syeikh Ahmad Al-Fatani memainkan peranan penting dalam menyebarkan Pan-Islamisme dan mempertahankan *Dawlah 'Uthmaniyyah* sebagai simbol penyatuan Islam. Beliau menggunakan kedudukannya sebagai ulama untuk mendidik masyarakat Melayu, menyemai semangat perjuangan Islam dan menentang penjajahan.





1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian terhadap Syeikh Ahmad Al-Fatani dan hubungannya dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* sangat menarik untuk ditonjolkan. Hal ini kerana, gagasan Pan-Islamisme ini dilihat memberi impak kepada pemikiran dan sudut pandang bangsa-bangsa Melayu terhadap *Dawlah 'Uthmāniyyah* pada ketika itu. Fahaman ini telah menjadi manfaat terbesar kepada perkembangan Islam di Alam Melayu. Malah, terdapat pandangan bahawa sebelum idea Pan-Islamisme diperkenalkan oleh Jamaluddin al-Afghani pada awal abad ke-19M, ia telah pun diamalkan oleh orang Aceh terhadap kepimpinan *'Uthmāniyyah* sejak abad ke-16M. Hal ini dilakukan ketika keduanya menjalin hubungan diplomatik.

Dengan menghuraikan lebih mendalam berkaitan peranan Syeikh Ahmad Al-Fatani yang dilihat sering berhubung dengan *Dawlah 'Uthmāniyyah* akan memberikan korpus ilmu baru dalam wacana akademik. Oleh yang demikian, peranan beliau dalam gagasan Pan-Islamisme perlu diperincikan dan dikenalpasti. Selain itu, ketokohan Syeikh Ahmad Al-Fatani sebagai tokoh ulama Melayu yang bergerak aktif dalam arena politik antarabangsa sama ada di Nusantara dan *Dawlah 'Uthmāniyyah* perlu ditonjolkan supaya beliau sering dikenang sebagai tokoh pejuang kemerdekaan negara sebaris dengan tokoh lain.

